


TAHAP KEMAHIRAN INSANIAH DAN
HUBUNGANNYA DENGAN KECERDASAN
EMOSI DALAM KALANGAN
SISWAZAH ISMP SAINS UPSI

NABILAH BINTI KOMARUDDIN

LAPORAN KERTAS PROJEK DIKEMUKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN BIOLOGI (MOD KERJA
KURSUS)



FAKULTI SAINS DAN MATEMATIK
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2016



ABSTRAK


Tujuan penyelidikan ini adalah untuk mengkaji tahap Kemahiran Insaniah berdasarkan Kemahiran Komunikasi (KOM), Kemahiran Kerja Berpasukan (KKBP), Kemahiran Kepimpinan (KKP) dan Kecerdasan Emosi dalam kalangan siswazah Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (ISMP) Sains di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) di Perak. Instrumen pengukuran Kemahiran Insaniah (KI) yang digunakan ialah Modul Pembangunan Kemahiran Insaniah KPT. Manakala Instrumen untuk Kecerdasan Emosi (KE) yang digunakan ialah Inventori Kepintaran Emosi- Malaysia (IKEM)-U. Seramai 103 orang siswazah ISMP Sains terlibat dalam kalangan semester satu, semester tiga, dan semester lima ambilan September (2013 hingga 2015). Hasil kajian, secara keseluruhannya mendapati siswazah ISMP Sains mempunyai tahap KI dan KE yang tinggi. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara KI dan KE dengan pencapaian akademik. Manakala KI mempunyai hubungan yang signifikan dengan KE. Instrumen Kemahiran Insaniah bagi konstruk KOM, KKBP dan KKP menunjukkan hubungan yang sederhana dengan Kecerdasan Emosi. Implikasinya kajian ini diharap dapat membantu untuk penambahbaikan kurikulum pada masa akan datang bagi memartabatkan mutu pendidikan di Universiti tempatan.



LEVEL OF SOFT SKILLS AND ITS RELATIONS WITH THE EMOTIONAL INTELLIGENCE AMONG UNDERGRADUATE BACHELOR OF EDUCATION SCIENCE

ABSTRACT

The purpose of this research was to determine level of Soft Skills based on Communication Skills (KOM), Team Work Skills (KKBP), Leadership Skills (KKP) and Emotional Intelligence among undergraduate Bachelor of Education Science at Sultan Idris Education University (UPSI) at Perak. Soft skill module (MOHE) was used as a measuring instrument for soft skill. While the instrument used for Emotional Intelligence is Malaysia Emotional Quotient Inventory (MEQI). A total of 103 undergraduate ISMP Science among semester one, semester three, and semester five intake September (2013 to 2015). Overall finding showed that, there is high level of KI and KE among undergraduate Bachelor of Education Science. There was no significance difference between KI and KE with academic achievement. While KI have significant relations with KE. Instrument soft skills for construct KOM, KKBP and KKP shows medium relations with Emotional Intelligence. Implication for this research hopefully able to improve curriculum in the future to uphold the quality of education in local Universities.



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

KANDUNGAN

Muka Surat

PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	x
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI SINGKATAN	xiii
SENARAI LAMPIRAN	xiv



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

BAB 1 PENGENALAN

1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Masalah	3
1.3 Pernyataan Masalah	6
1.4 Kerangka Konseptual Kajian	8
1.5 Tujuan Kajian	11
1.6 Objektif Kajian	12
1.7 Persoalan Kajian	12
1.8 Hipotesis Kajian	13



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

1.9 Kepentingan Kajian	14
------------------------	----

 05-4506832  pustaka.upsi.edu.my  Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah  PustakaTBainun  ptbupsi	15
---	----

1.9.1 Kepentingan Kepada Pihak Kementerian	15
--	----

1.9.2 Kepentingan Kepada Universiti	15
-------------------------------------	----

1.9.3 Kepentingan Kepada Pensyarah	16
------------------------------------	----

1.9.4 Kepentingan Kepada Siswazah	17
-----------------------------------	----

1.10 Batasan Kajian	18
---------------------	----

1.11 Definisi Operasi	19
-----------------------	----

1.12 Rumusan	21
--------------	----

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1 Pengenalan	22
----------------	----

2.2 Teori dan Model Berkaitan	23
-------------------------------	----

 05-4506832  pustaka.upsi.edu.my  Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah  PustakaTBainun  ptbupsi	23
---	----

2.3 Kecerdasan Emosi	23
----------------------	----

2.4 Kemahiran Insaniah	25
------------------------	----

2.4.1 Elemen Kemahiran Insaniah	27
---------------------------------	----

2.5 Kajian- Kajian Lepas	29
--------------------------	----

2.5.1 Kemahiran Insaniah	29
--------------------------	----

2.5.2 Kecerdasan Emosi	31
------------------------	----

2.5.3 Hubungan Kemahiran Insaniah dan Kecerdasan Emosi	31
--	----

2.6 Rumusan	33
-------------	----

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pendahuluan	34
-----------------	----

 05-4506832  pustaka.upsi.edu.my  Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah  PustakaTBainun  ptbupsi	35
---	----

3.2 Reka Bentuk Kajian	35
------------------------	----

3.3 Lokasi Kajian	36
-------------------	----

3.4 Populasi dan Sampel Kajian	37
--------------------------------	----

  3.5 Instrumen Kajian	  	39
--	---	----

3.5.1 Instrumen Kemahiran Insaniah	40
------------------------------------	----

3.5.2 Instrumen Kecerdasan Emosi (IKEM-U)	41
---	----

3.6 Kesahan Instrumen	42
-----------------------	----

3.7 Kajian Rintis	44
-------------------	----

3.7.1 Kebolehpercayaan Instrumen	45
----------------------------------	----

3.8 Prosedur Pentadbiran Dan Pengumpulan Data	48
---	----

3.8.1 Prosedur Penganalisaan Data	49
-----------------------------------	----

3.8.2 Analisis Statistik Deskriptif	49
-------------------------------------	----

3.8.3 Analisis Statistik Inferensi	50
------------------------------------	----

  3.9 Rumusan	  	54
---	---	----

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan	55
----------------	----

4.2 Analisis Data-Data Pemboleh Ubah	56
--------------------------------------	----

4.3 Tahap Kemahiran Insaniah Dalam Kalangan Siswazah ISMP Sains	56
---	----

4.4 Tahap Kecerdasan Emosi Dalam Kalangan Siswazah ISMP Sains	61
---	----

4.5 Perbezaan Tahap Kecerdasan Emosi Berdasarkan Pencapaian Akademik	63
--	----

4.6 Perbezaan Tahap kemahiran Insaniah (KOM, KKBP, KKP)	66
---	----

  Berdasarkan Pencapaian Akademik	  	
---	---	--

4.7 Hubungan Antara Kemahiran Insaniah Dengan Kecerdasan	69
--	----

Emosi

4.8 Rumusan	71
-------------	----

BAB 5 PERBINCANGAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN

5.1 Pengenalan	72
----------------	----

5.2 Perbincangan	73
------------------	----

5.2.1 Tahap Kemahiran Insaniah Dalam Kalangan Siswazah	73
--	----

ISMP Sains

5.2.2 Tahap Kecerdasan Emosi Dalam Kalangan Siswazah ISMP	77
---	----

Sains

5.2.3 Perbezaan Tahap Kecerdasan Emosi Berdasarkan	78
--	----

Pencapaian Akademik

5.2.4 Perbezaan Tahap kemahiran Insaniah (KOM, KKBP, KKP)	79
---	----

Berdasarkan Pencapaian Akademik

5.2.5 Hubungan Antara Kemahiran Insaniah Dengan Kecerdasan	81
--	----

Emosi

5.3 Implikasi Dapatan Kajian	83
------------------------------	----

5.3.1 Implikasi Pada Universiti	84
---------------------------------	----


5.3.2 Implikasi Pada Siswazah	86
-------------------------------	----

5.3.3 Implikasi Pada Pensyarah	87
--------------------------------	----

5.4 Cadangan Kajian Akan Datang	88
---------------------------------	----

5.5 Kesimpulan	89
----------------	----

RUJUKAN	91
---------	----




SENARAI JADUAL

Jadual	Muka Surat
2.1 Item Kemahiran Komunikasi	27
2.2 Item Kemahiran Kerja Berpasukan	28
2.3 Item Kemahiran Kepimpinan	29
3.1 Skala Likert	40
3.2 Penilaian Pakar Terhadap Kemahiran Insaniah dan Kecerdasan Emosi	44
3.3 Klasifikasi Indeks Kebolehpercayaan	46
3.4 Nilai Kolerasi Item Dengan Jumlah Skor Yang Diperbetulkan Dan Indeks Kebolehpercayaan Cronbach Alpha Bagi Setiap Konstruk Dalam Kemahiran Insaniah (KI) Dan Kecerdasan Emosi (KE) Bagi Kajian Rintis.	47
3.5 Interpretasi Skor Min KI dan KE	50
3.6 Tafsiran Nilai-Nilai Pekali Korelasi	52
3.7 Analisis Statistik Bagi Setiap Item	53
4.1 Nilai Min Dan Sisihan Piawai Bagi Setiap Konstruk Kemahiran Insaniah Siswazah	57
4.2 Tahap Kecerdasan Emosi Dalam Kalangan Siswazah ISMP Sains (Semester Satu, Tiga, Dan Lima)	62
4.3 Perbezaan Tahap Kecerdasan Emosi Berdasarkan Pencapaian Akademik	64
4.4 Perbezaan Tahap Kecerdasan Emosi Mengikut (Semester Satu, Tiga, dan Lima) Berdasarkan Pencapaian Akademik	65
4.5 Perbezaan Tahap Kemahiran Insaniah Bagi Konstruk KOM, KKBP dan KKP Berdasarkan Pencapaian Akademik	67




4.6	Perbezaan Tahap Kemahiran Insaniah Berdasarkan Pencapaian Akademik	68
4.7	Ujian Korelasi Pearson Hubungan Antara Kemahiran Insaniah Bagi KOM, KKBP, dan KKP Dengan Kecerdasan Emosi Dalam Kalangan Siswazah ISMP Sains Berdasarkan (Semester Satu, Tiga, dan Lima)	70




SENARAI RAJAH

Rajah	Muka Surat
1.1	Kerangka Konseptual Kajian 11
3.1	Peratus Persetujuan 44
4.1	Tahap Kemahiran Insaniah (KOM, KKBP, KKP) Dalam Kalangan Siswazah ISMP Sains (Semester Satu,Tiga, dan Lima) 58
4.2	Tahap Kemahiran Komunikasi, Kemahiran Kerja Berpasukan, Dan Kemahiran Kepimpinan Dalam Kalangan Siswazah ISMP Sains Semester Satu 59
4.3	Tahap Kemahiran Komunikasi, Kemahiran Kerja Berpasukan, Dan Kemahiran Kepimpinan Dalam Kalangan Siswazah ISMP Sains Semester Tiga 60
4.4	Tahap Kemahiran Komunikasi, Kemahiran Kerja Berpasukan, Dan Kemahiran Kepimpinan Dalam Kalangan Siswazah ISMP Sains Semester Lima 61
4.5	Tahap Kecerdasan Emosi Dalam Kalangan Siswazah ISMP Sains (Semester Satu, Tiga, dan Lima) 63





SENARAI SINGKATAN

FSM	Fakulti Sains Dan Matematik
IKEM -U	Inventori Kepintaran Emosi Malaysia- Universiti
ISMP	Ijazah Sarjana Muda Pendidikan
ISM	Ijazah Sarjana Muda
KI	Kemahiran Insaniah
KOM	Kemahiran Komunikasi
KKBP	Kemahiran Kerja Berpasukan
KKP	Kemahiran Kepimpinan
KE	Kecerdasan Emosi
KPT	Kementerian Pendidikan Tinggi
PnP	Pengajaran dan Pembelajaran
SPSS	<i>Statistical Packages For The Social Science</i>
SP	Sisihan Piawai
UA	Universiti Awam
UPSI	Universiti Pendidikan Sultan Idris



SENARAI LAMPIRAN

- A Borang Soal Selidik
- B Surat Permohonan Pengesahan Pakar
- C Kesahan Pakar
- D Keputusan Kebolehpercayaan Kajian
- E Analisis Data (SPSS)



BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Pembangunan sains dan teknologi bagi menjadikan Malaysia sebagai salah sebuah negara yang membangun pelbagai cabaran besar dalam menghadapi persaingan abad ke-21 termasuklah kejatuhan nilai ringgit Malaysia. Usaha untuk menjadi sebuah Negara yang maju sangat ditekankan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013. Kejayaan

sesebuah Negara yang membangun melibatkan pembangunan modal insan kelas pertama serta ianya bergantung kepada mutu sistem pendidikan negara. Menjadi sebuah Negara maju menjelang tahun 2020 adalah wawasan Malaysia. Matlamat dan sasaran yang jelas ditetapkan bagi menggalakkan badan-badan berkanun, pihak swasta, badan bukan kerajaan dan agensi yang lain turut sama berganding bahu menjayakan hasrat kerajaan tersebut.

Bertepatan dengan hasrat kerajaan, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) telah menggariskan Visi KPT iaitu menjadikan pendidikan tinggi berkualiti, insan cemerlang, Negara sejahtera dan Misi KPT adalah untuk melestarikan ekosistem pendidikan tinggi yang berkualiti bagi membangunkan potensi individu untuk memenuhi aspirasi Negara Kementerian Pendidikan Tinggi (2016) serta menghasilkan pusat ilmu yang unggul dan melahirkan insan yang kompeten, berinovasi dan berakhlak mulia bagi memenuhi keperluan Negara (Kementerian Pengajian Tinggi, 2010).

Siswazah yang ideal bukan hanya cemerlang dalam akademik dan sahsiah semata-mata, tetapi perlu memiliki Kemahiran Insaniah dan Kecerdasan Emosi yang tinggi. Kemahiran Insaniah termasuklah Kemahiran Komunikasi (KOM), Kemahiran Kerja Berpasukan (KKBP) dan Kemahiran Kepimpinan (KKP). Manakala Kecerdasan Emosi juga sangat diperlukan bagi mengawal diri dan mendidik pelajar. Kecerdasan Emosi yang ditekankan ialah kepimpinan, membina hubungan, kerjasama dan usahasama, keupayaan pasukan dan komunikasi.

Elemen yang menghuraikan istilah Kemahiran Insaniah mempunyai persamaan dengan Kecerdasan Emosi. Kemahiran Insaniah yang juga digelar sebagai Kecerdasan Emosi oleh (Goleman, 1995). Kemahiran Insaniah dan Kecerdasan Emosi amat diperlukan bagi seseorang guru. Seseorang bakal guru perlu memiliki Kemahiran Insaniah seorang pemimpin yang merangkumi kerja kumpulan, Kemahiran Komunikasi (KOM) dan kemahiran kepimpinan (KKP) manakala. Kecerdasan Emosi yang ditekankan ialah kepimpinan, membina hubungan, kerjasama dan usahasama, keupayaan pasukan dan komunikasi Hal ini kerana kemahiran tersebut sangat diperlukan dalam pasaran dunia pekerjaan terutamanya bakal pendidik bagi mencorak sistem pendidikan generasi baru.

1.2 Latar Belakang Masalah

Memiliki akademik yang cemerlang semata-mata tidak dapat menjamin graduan untuk memperoleh pekerjaan disebabkan kegawatan ekonomi dan persaingan sengit dalam dunia pasaran kerjaya. Hanya graduan yang mantap mampu bersaing dalam alam pekerjaan kerana majikan meletakkan penguasaan kemahiran insaniah sebagai kriteria pemilihan bakal pekerja serta meletakkan akademik sebagai penanda aras utama (The Star, 7 Mac 2013).

Keupayaan universiti awam (UA) menghasilkan graduan yang menepati kriteria pasaran pekerjaan adalah cabaran utama dan selaras dengan objektif Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) bagi menghasilkan graduan berdaya saing dan memenuhi keperluan tenaga kerja serta mensasarkan 75 peratus graduan mendapatkan pekerjaan dalam tempoh enam bulan selepas tamat pengajian (Kementerian Pengajian Tinggi, 2010). Pengangguran dipengaruhi oleh sikap memilih pekerjaan, faktor kestabilan ekonomi sesebuah Negara, graduan tiada Kemahiran Insaniah serta gagal menyediakan diri dengan menguasai Kemahiran Komunikasi (KOM) dalam Bahasa Inggeris (Nurita Juhdi, Shahrudin, & Ainon Jauhariah, 2006)

Menghasilkan seorang pendidik yang berkualiti dan berkesan memerlukan seorang pendidik yang tinggi kemahiran dari segi prestasi dan keterampilan. (Standard Guru Malaysia, 2009; Medley & Crook, 1980) dan termasuk juga elemen emosi (Drew, 2006; Norhayati, 2003; Marso & Pigge, 1991). Sehubungan itu, perlu diingat juga bahawa keperluan kepada dunia pekerjaan telah berubah. Menurut Goleman (1996), kriteria yang diperlukan dalam dunia pekerjaan kini berbeza daripada dahulu. Pemilihan pekerja bukan lagi hanya berpandu kepada prestasi akademik. Majikan kini melihat kebolehan berkomunikasi, bekerja secara berpasukan, kebolehan menyelesaikan sesuatu tugas, kebolehan membuat keputusan seimbang sebagai pra- syarat yang penting dalam mengambil pekerja.

Selain itu, terdapat hubungan perkembangan yang positif antara Kecerdasan Emosi dengan kesejahteraan dan kesihatan mental (Gallagher & Vella-Brodie, 2008), strategi membuat penyesuaian (Petrides, Frederickson, & Furnham, 2004), pencapaian akademik (Schutte et al., 1998) kesihatan fizikal dan psikologi (Santrock, 2004) dan membuat penyesuaian di sekolah (Adeyemo, 2005). Terdapat kajian awal menunjukkan Kecerdasan Emosi memberi pengaruh yang baik dalam kesihatan mental (Bernet, 1996), kesejahteraan (Bar-On, 2000), kecekapan di tempat kerja dan dalam masyarakat (Finnegan, 1998) dan hasil kehidupan yang positif (Goleman, 2001).

Terdapat pelbagai kriteria yang perlu dilengkapkan dalam diri seseorang siswazah, antaranya ialah Kemahiran Komunikasi (KOM), Kemahiran Kerja Berpasukan (KKBP) dan Kemahiran Kepimpinan (KKP) serta Kecerdasan Emosi. Siswazah yang ideal dan kompeten sahaja mampu bersaing dengan siswazah yang lain dalam dunia pekerjaan. Seseorang siswazah dikatakan ideal dan berkebolehan apabila memiliki tahap pencapaian akademik yang cemerlang, tahap Kemahiran Insaniah dan tahap Kecerdasan Emosi yang tinggi. Justeru, Kemahiran Insaniah dan Kecerdasan Emosi perlu diterapkan kepada siswazah melalui PnP agar mereka dapat belajar secara langsung atau tidak langsung kaedah berkomunikasi dan interaksi yang berkesan.

Justeru, kajian ini dapat memperkayakan bidang ilmu psikologi positif khususnya berkaitan Kemahiran Insaniah dan hubungannya dengan Kecerdasan Emosi dalam kalangan siswazah ISMP Sains.

1.3 Pernyataan Masalah

Cabaran kecemerlangan Universiti Awam (UA) kini dikaitkan secara langsung dengan keupayaan menghasilkan siswazah yang menjadi pilihan utama industri, majikan dan pasaran pekerjaan. Salah satu kemahiran yang diperlukan oleh majikan adalah Kemahiran Insaniah. Kegagalan siswazah mendapat kerja adalah disebabkan kurangnya Kemahiran Insaniah (Bernama, 2007). Siswazah dikatakan tidak mempunyai penampilan diri yang baik, kurang kemahiran bersosial dan berkomunikasi serta tidak bermotivasi. Siswazah sukar diterima majikan kerana tiada ciri kepimpinan, dan semangat kekitaan. Selain itu, kurangnya kematangan berfikir, perkembangan sahsiah, daya kepimpinan, budaya intelektual, kemahiran insaniah di kalangan siswazah tidak menonjol sepanjang pengajian di Universiti Awam (Melati Mohd Ariff, 2007). Sehubungan itu, isu ini ditimbulkan berikutan dari permasalahan siswazah yang sukar mencari pekerjaan di saat kegawatan ekonomi sekarang.


Isu siswazah pendidikan terutamanya lulusan Universiti Awam (UA) dipaparkan di akhbar berkenaan siswazah yang menganggur kerana kegawatan ekonomi dan dikatakan tidak mempunyai pakej yang membolehkan siswazah diterima masuk di bidang pekerjaan (Melati Mohd Ariff, 2007). Ini kerana majikan memerlukan siswazah yang serba boleh iaitu cemerlang dalam bidang akademik dan mempunyai

Kemahiran Insaniah yang berkesan seperti berkemampuan untuk berkomunikasi dengan baik dan berkemampuan bekerja di dalam kumpulan serta mempunyai tahap Kecerdasan Emosi yang tinggi iaitu mempunyai sikap kepimpinan, mampu membina hubungan, kerjasama dan usahasama, keupayaan pasukan dan mampu berkomunikasi.

Walaubagaimanapun, pada masa kini, didapati tidak semua siswazah yang dihasilkan daripada Universiti Awam mahupun swasta mampu memenuhi kriteria yang diperlukan dalam pasaran pekerjaan. Berdasarkan dapatan yang dijalankan oleh Ishak, Adnan, dan Shaari (2005) mengemukakan beberapa dapatan kajian yang berkaitan dengan masalah penyesuaian guru pelatih dalam menjalani praktikum. Antara masalah yang dikemukakan ialah masalah dalam penyesuaian diri, terutamanya masalah komunikasi guru pelatih dengan persekitaran kerja yang terdiri dari pihak pentadbiran, guru- guru pembimbing, dan para pelajar sekolah.


Selain daripada masalah Kemahiran Insaniah, satu aspek penting yang perlu diambil kira kepada siswazah ialah Kecerdasan Emosi. Berdasarkan dapatan (Jabatan Ilmu Pendidikan, 2004), dan Ishak et al. (2005) melaporkan bahawa siswazah pendidikan menghadapi masalah dan merasa tertekan semasa menjalani praktikum. Kemahiran Insaniah yang tinggi dan Kecerdasan Emosi yang baik dapat membantu dalam pengurusan masalah-masalah tersebut termasuklah isu-isu berkaitan intrapersonal, interpersonal, adaptabiliti, dan pengurusan tekanan siswazah semasa praktikum.

Walaupun banyak kajian telah dijalankan. Gabungan kajian tentang Kecerdasan Emosi dan aspek Kemahiran Insaniah kurang dijalankan. Oleh itu, kajian Kemahiran Insaniah ini lebih memfokuskan aspek Kemahiran Komunikasi (KOM), Kemahiran Kerja Berpasukan (KKBP) dan Kemahiran Kepimpinan (KKP) dalam kalangan siswazah aliran Sains dan hubungannya dengan Kecerdasan Emosi dalam kalangan siswazah Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk mencari perkaitan antara tahap Kemahiran Insaniah dan Kecerdasan Emosi dalam kalangan siswazah UPSI. Diharap kajian ini dapat membuat tinjauan hubungan antara tahap Kemahiran Insaniah (kemahiran individu dan kemahiran interpersonal) dengan Kecerdasan Emosi (kemahiran sosial) bagi meningkatkan modal insan dalam kalangan siswazah di Universiti Awam (UA).



1.4 Kerangka Konseptual Kajian

Kajian ini menggabungkan teori *soft skills* yang diutarakan oleh Klaus (2007) dan Model Kompetensi Kecerdasan Emosi oleh Goleman (1995). Menurut teori *soft skill* Kemahiran Insaniah terdiri daripada kemahiran individu dan kemahiran interpersonal. Dimana ia melibatkan kemahiran seseorang berinteraksi dengan diri sendiri dan orang lain. Kemahiran ini merangkumi unsur-unsur yang boleh dilihat, diukur, dan dinilai melalui perlakuan dan tingkah laku seseorang.



Dalam konteks Kemahiran Insaniah, kemahiran individu ialah sikap yang positif iaitu sentiasa memiliki rasa ingin tahu, dan memiliki **esteem** diri iaitu menjaga perhubungan dengan baik dan bermotivasi tinggi; pengurusan diri yang baik merangkumi ciri-ciri kepimpinan iaitu dapat menjadi ketua, menguruskan ahli kumpulan dan dapat memberikan kerjasama yang baik; kemahiran berfikir iaitu dapat mengurus daya pemikiran serta dapat menyelesaikan masalah dan membuat keputusan dengan baik.

Manakala kemahiran interpersonal melibatkan komunikasi interpersonal iaitu memiliki ciri-ciri kemahiran komunikasi interpersonal yang baik, menjadi pendengar aktif yang dapat memberikan maklum balas dengan empati, memiliki kemahiran berunding dengan orang lain serta berkebolehan mencapai persetujuan dan membuat keputusan berpendidikan budaya iaitu dapat bekerjasama dengan individu lain yang berbeza fahaman serta budaya hidup; kerjasama berkumpulan iaitu memiliki semangat berpasukan, bekerjasama dalam pembinaan dan pengurusan pasukan; komunikasi bukan lisan iaitu menggunakan kemahiran bukan lisan (mimik muka, bahasa gerak geri badan, isyarat, dan kontak mata) dengan individu yang lain.

Selain itu, bagi aspek Kecerdasan Emosi pengkaji menggunakan Model Kompetensi Kecerdasan Emosi (Goleman, 1995). Ianya memfokuskan kepada kompetensi dan kemahiran yang menunjukkan pencapaian dalam kepimpinan. Terdapat empat konstruk utama yang difokuskan dalam model ini iaitu kesedaran sendiri, pengurusan sendiri, kesedaran sosial dan kemahiran bersosial.

Kesedaran sendiri ialah keupayaan menyedari perasaan dan dapat memberikan identifikasi terhadap emosi tersebut, pengurusan sendiri ialah penyedaran diri tentang apa sebenarnya berada di sebalik perasaan; kesedaran sosial pula didefinisikan sebagai kebolehan seseorang merasa, memahami dan bertindak ke atas emosi orang lain semasa berhubung. Manakala kemahiran sosial pula ialah kebolehan seseorang mempengaruhi, berinspirasi dalam pengurusan sesuatu konflik.

Dalam konteks kajian Kecerdasan Emosi ini, model Goleman yang diguna pakai ialah konstruk kemahiran sosial iaitu pengkaji ingin melihat kebolehan seseorang individu mengendalikan hubungan dengan individu yang lain dalam mencapai sesuatu matlamat bersama ahli kumpulan. Oleh itu, kerangka konseptual kajian ini seperti diringkaskan dalam Rajah 1.1. Dalam kajian ini pengkaji ingin melihat tahap Kemahiran Insaniah yang melibatkan kemahiran individu (Kemahiran Kepimpinan) dan kemahiran interpersonal (Kemahiran Komunikasi, Kemahiran Kerja Berpasukan) serta hubungannya dengan Kecerdasan Emosi seseorang individu dalam mengendalikan kemahiran sosial.




Rajah 1.1. Kerangka Konseptual Kajian.

1.5 Tujuan kajian

Kajian ini berhasrat untuk mengenal pasti tahap Kemahiran Insaniah (KI) iaitu (kemahiran individu dan kemahiran interpersonal) dan hubungannya dengan Kecerdasan Emosi (KE) iaitu (kemahiran sosial) dalam kalangan siswazah ISMP Sains Fakulti Sains dan Matematik (FSM) di UPSI.

1.6 Objektif Kajian



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

Objektif bagi kajian ini adalah untuk :

- i. Mengenalpasti tahap Kemahiran Insaniah (KOM, KKBP, KKP) dalam kalangan siswazah ISMP Sains
- ii. Mengenalpasti tahap Kecerdasan Emosi dalam kalangan siswazah ISMP Sains
- iii. Mengenalpasti perbezaan tahap Kecerdasan Emosi dalam kalangan siswazah ISMP Sains berdasarkan pencapaian akademik
- iv. Mengenalpasti perbezaan tahap Kemahiran Insaniah (KOM, KKBP, KKP) dalam kalangan siswazah ISMP Sains berdasarkan pencapaian akademik
- v. Mengenalpasti hubungan antara Kemahiran Insaniah (KOM, KKBP, KKP) dengan Kecerdasan Emosi dalam kalangan siswazah ISMP Sains



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

1.7 Persoalan Kajian

Berikut adalah antara persoalan yang dijadikan panduan dalam kajian yang dijalankan:

- i. Apakah tahap Kemahiran Insaniah (KOM, KKBP, KKP) dalam kalangan siswazah ISMP Sains?
- ii. Apakah tahap Kecerdasan Emosi dalam kalangan siswazah ISMP Sains?



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi